

ADAT TURUN TANAH (JIJAK BUMI) SUATU ADAT
ORANG-ORANG MELAYU YANG TIDAK DIAMALKAN LAGI

oleh

ABD. HAMID MD. ISA

ARKIB

rb
FAC895
M22A139

ADAT TURUN TANAH(JIJAK BUMI) SUATU ADAT ORANG-ORANG
MELAYU YANG TIDAK DIAMALKAN LAGI

Oleh

ABD.HAMID MD ISA

SATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN
SEJARAH (HSM 412: DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH
MALAYSIA) BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA
DALAM PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN, UNIVERSITI
SAINS MALAYSIA.

188004
SIDANG AKADEMIK 1988/89

Penyelaras

PROFESOR MADYA DR.CHEAH BOON KHENG

ADAT TURUN TANAH(JIJAK BUMI) SUATU ADAT ORANG-ORANG
MELAYU YANG TIDAK DIAMALKAN LAGI.

PRAKATA

Adat turun tanah atau jejak tanah merupakan satu adat yang popular pada masa dahulu di kalangan masyarakat Melayu. Adat ini dilakukan ketika kanak-kanak masih kecil lagi. Tujuannya ialah untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada tanah. Walau bagaimanapun adat ini semakin pupus dan tidak diamalkan lagi pada masa sekarang.

Jadi tajuk ini dipilih kerana setakat ini tidak ada kajian yang terperinci dibuat berhubung dengan adat ini. Di sini penulis tidaklah mengatakan bahawa kajian ini adalah kajian yang awal kerana ada penulis lain yang telah cuba menulis secara sepantas lalu tentang adat ini seperti Winstedt, Overbeck, N.J.Ryan dan beberapa penulis tempatan. Namun begitu penulisan mereka hanyalah sepantas lalu dan berbentuk umum iaitu mencakupi seluruh adat-adat Melayu. Mereka pula menulis mengikut pandangan mereka.

Oleh kerana penulis telah memilih tajuk adat turun tanah ini untuk membuat sedikit kajian sejarahnya dan bagaimana adat ini dilaksanakan. Penulis juga membuat ulasan kenapa adat ini tidak diamalkan lagi pada masa sekarang. Di dalam penulisan ini penulis mengakui bahawa ia bukanlah satu pehulisan yang unggul, dan mungkin terdapat kekurangan dan kelemahan. Oleh kerana masa yang suntuk dan amat sukar untuk membuat kajian yang menyeluruh maka sudah tentu ada kelemahannya. Walau bagaimanapun penulis berharap kajian ini dapat memberikan sedikit gambaran tentang satu adat orang Melayu yang telah pupus pada masa sekarang.

Kajian ini dibuat dengan menggunakan cara kaedah temubual dengan beberapa orang tua di kampung seperti bidan, imam dan beberapa orang surirumah yang mengetahui dan berpengalaman tentang

adat ini. Penulis juga telah mendapatkan pandangan daripada beberapa orang generasi muda tentang adat ini. Pandangan dan pendapat mereka amat berguna kepada penulisan ini kerana ia dapat menjelaskan serba-sedikit mengapa adat turun tanah ini semakin pupus dan tidak diamalkan lagi pada masa sekarang.

Penulis mengucapkan setinggi penghargaan kepada mereka yang berkenaan terutama bidan, orang-orang tua serta beberapa individu yang telah memberi pandangan dan pendapat untuk menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga setinggi terima kasih pada pihak perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang membantu menyediakan bahan-bahan microfilm, jurnal-jurnal, buku-buku dan lain-lain lagi. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada teman-teman sperjuangan yang sudi memberi pendapat dan komen tentang penulisan ini. Akhir sekali penulis tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Cheah Boon Kheng, pensyarah sejarah yang telah memberi tunjuk ajar dan teguran yang membina terhadap penulisan ini.

Sekian.

Abd.Hamid Md Isa

U S M

22 September 1988

10 Safar 1409

PENDAHULUAN

Ragamnya kepercayaan dan adat merupakan satu yang penting dalam masyarakat Melayu, terutamanya di tanah Jawa. Masyarakat Melayu juga dengan berbagai adat. Adat malah pada zaman dahulu kala bersamaan. Ada juga masyarakat orang Melayu yang kebiasaan atau tradisi mereka juga seluruh orang Melayu.

ISI KANDUNGAN

1. Pengenalan masyarakat Melayu dan telah berlakunya adat
2. Latar Belakang Sejarah
3. Tujuan Adat Turun Tanah
4. Bahan-bahan Untuk Upacara
5. Perlaksanaan Adat Turun Tanah
6. Mengapa Adat Turun Tanah Semakin Pupus?
7. Penutup
8. Lampiran

PENDAHULUAN

Sesungguhnya kepercayaan dan adat merupakan satu yang penting dalam masyarakat Melayu, terutamanya di zaman silam. Masyarakat Melayu kaya dengan berbagai adat. Adat adalah satu aspek yang penting di dalam masyarakat Melayu dan telah berakar-umbi sejak zaman berzaman. Apa yang dimaksudkan dengan adat di sini ialah kebiasaan atau aturan-aturah yang telah biasa dengan orang ramai atau perbuatan yang dilakukan berulang-ulang hingga menjadi satu amalan dan kebiasaan, porangai atau tabiat yang sukar dibuang.

Betapa pentingnya adat dalam masyarakat "elayu atau orang-orang Melayu dapat dilihat hingga terciptanya pepatah , biar mati anak jangan mati adat. Kesan dari sini menunjukkan bahawa orang-orang "elayu amat mementingkan adat di zaman dahulu. Ada berbagai adat dalam masyarakata "elayu, ada yang masih diamalkan lagi sekarang dan ada juga adat-adat orang-orang Melayu yang telah pupus yakni tidak diamalkan lagi pada masa sekarang. Dan banyak adat yang telah dilupakan oleh generasi zaman sekarang sehingga-kan ada yang tidak mengenalinya langsung.

Salah satu adat orang-orang Melayu yang amat penting pada masa dahulu ialah adat turun tanah atau jejak tanah(ada juga yang mengatakan adat jejak bumi). Adat ini amat penting dan sering dilakukan pada masa dahulu. Adat ini bererti satu upacara yang dilakukan ke atas kanak-kanak untuk membawanya turun ke tanah atau mengenalkan dia kepada tanah. Ia dilakukan kepada kanak-kanak yang hampir boleh berjalan(setengah tempat dalam masa kanak-kanak itu lingkungan umur 4> atau 5 bulan). Majlis atau upacara turun tanah ini dilakukan oleh bidan atau bomoh atau orang-orang tua di kampung. Untuk menjalankan upacara ini berbagai bahan

disediakan seperti dulang, beras kunyit, makanan, kapur, tanah dan lain-lain lagi. Adat ini dikatakan bertujuan untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada tanah dan memberi semangat padanya.

Adapun adat ini umumnya sama sahaja disemua tempat dari segi tujuannya, cuma yang berbeza ialah bagaimana ia dilakukan dan bahan yang digunakan mungkin ditambah atau ada sikit kelainannya. Ada yang membuatnya secara besar-besaran dituruti dengan kenduri dan marhaban dan ada yang membuatnya secara ringkas hanya dengan membaca doa sahaja.

Memang kita tidak dapat menafikan bahawa orang-orang Melayu begitu percaya kepada unsur-unsur animisme dan makhluk halus yang dikatakan bersemangat. "adi adat turun tanah ini dilakukan salah satu sebabnya ialah untuk mengelakkan kanak-kanak tersebut ditimpa penyakit atau terkena sampuk. Sebelum adat ini dilaksanakan kanak-kanak tidak dibenarkan dibawa keluar dari rumahnya. Ini takut ia dirasuk hantu syaitan.

Kemunculan adat ini mungkin kerana berkaitan dengan kepercayaan kepada kuasa luar biasa untuk memuja semangat, menghalau hantu syaitan dan mengelak penyakit. Upacara-upacara ini berkaitan dengan ritual atau kuasa luar biasa.¹ Asal-usul adat ini ada kaitan dengan pengaruh hindu yang masuk sejak dulu lagi dan disesuaikan dengan kepercayaan animisme yang ada pada orang-orang Melayu zaman dahulu.

Perubahan masa dan pengaruh budaya moden serta pendidikan moden yang diterima dalam masyarakat Melayu telah mula mendenggalakan minat dan perasaan mereka untuk menjalankan adat lama itu. Apatah lagi bila anggapan timbul bahawa adat itu adalah adat yang kolot dan merupakan upacara yang tidak berfaedah dan hanya membuang masa sahaja. Timbul juga anggapan bahawa adat ini satu

adat yang berbentuk khurafat yang bertengangan dengan ajaran Islam di mana Islam melarang mempercayai benda-benda karut seperti makhluk halus yang berkuasa memberi penyakit atau semangat yang dapat diperolehi daripada upacara itu. Kesemua perkata-perkara ini merupakan salah satu punca mengapa adat turun tanah tidak diamalkan lagi padamasa sekarang.

Justeru itulah penulis cuba untuk menyingkap kembali tentang adat turun tanah ini mengikut apa yang dilakukan oleh orang-orang Melayu zaman dahulu serta melihat sejarah atau asal-usul adat ini. Mungkin daripada sedikit penerangan yang diberikan oleh beberapa orang kampung dan penulis-penulis barat kita dapat mengetahui serba sedikit tentang adat ini. Daripada sini juga dihuraikan sedikit tentang bagaimana upacara adat turun tanah dilakukan dan bahan-bahan yang digunakan.

Mengapa adat turun tanah ini semakin pupus dan tidak diamalkan lagi akan juga diulas oleh penulis terutama bila dikaitkan dengan zaman pemodenan dan kebangkitan Islam sekarang yang mungkin akan menenggelamkan adat-adat lama orang-orang Melayu termasuk adat turun tanah ini sendiri.

maka dahulu, Kesan menyajuknya negeri Melaka pada akhir abad ke-15 dari Sileyah yang total pengaruh dan kuasa mereka atas negeri Hindu.

Orang-orang Melayu telah mengambil apa sahaja kebudayaan Hindu untuk mengisi kekosongan jenama mereka dalam jalin adat turun tanah berdasarkan pengaruh daripada Hindu seperti adat India yang ditularkan dahulu seperti saling-saling pertandingan, berlindik dan pernahwiman.⁴ Hantaran atau pengaruh Hindu diantara adat Melayu juga kita tidak boleh menilamkan kerana